



# MODUL PENDIDIKAN SIVIK DALAM PENDIDIKAN ISLAM

## Tajuk: Warganegara Berintegriti

**Nilai Teras:** Bertanggungjawab

**Masa:** 1 jam

**SK:** 1.21 Membaca ayat 179 surah al-A'raf dengan betul, lancar serta bertajwid dan merumuskan kefahaman ayat serta mengamalkannya secara beradab dan istiqamah

**SP:** 1.21.3 Menerangkan:  
• Penghuni neraka.  
• Cara memanfaatkan hati, mata dan telinga untuk mencari kebenaran.

### Objektif:

Pada akhir PdPc, murid akan dapat:

1. Memahami integriti dan kepentingannya.
2. Mengekspresikan tanggungjawab warganegara berintegriti.
3. Menghuraikan kesan tidak berintegriti.

## Aktiviti Literasi Sivik 1

1. Murid dibahagikan kepada tiga kumpulan dan diberikan tajuk berikut:
  - Kumpulan 1: Maksud integriti.
  - Kumpulan 2: Cara memanfaatkan hati, mata dan telinga untuk berintegriti.
  - Kumpulan 3: Kesan penggunaan hati, mata dan telinga yang tidak berintegriti.
2. Murid berbincang dalam kumpulan dan menyediakan bahan pembentangan untuk dibentangkan di hadapan kelas.

## Aktiviti Literasi Sivik 2

1. Aktiviti dijalankan secara berkumpulan.
2. Setiap kumpulan diminta membuat peta minda tentang topik keadaan penghuni neraka.
3. Murid membuat sumbang saran dalam kumpulan masing-masing tentang topik yang diberikan.
4. Murid membentangkan tugasan di hadapan kelas.

## Aktiviti Literasi Sivik 3

1. Guru mengedarkan isi penting berkaitan topik 'Cara memanfaatkan pancaindera untuk mencari kebenaran dengan melakukan perkara makruf'.
2. Setiap ahli dalam kumpulan perlu bersama-sama merancang sebuah syarahan spontan berdasarkan isi yang telah diberikan.
3. Wakil setiap kumpulan akan tampil ke hadapan untuk menyampaikan syarahan.
4. Kumpulan lain dikehendaki memberikan penilaian dan guru membuat kesimpulan.

**Refleksi:** (Diisi oleh guru sebaik sahaja selesai pengajaran)